

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH  
[ PETALING JAYA ]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 5**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah yang telah dilakukan bawah item “00104 Penyusunan Semula Masyarakat” dalam Belanjawan 2019 yang dianggarkan telah memakan belanja sejumlah RM 300,000,000.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah butiran 00104 Program Penyusunan Semula Masyarakat dalam Belanjawan 2019, Kerajaan telah melaksanakan dua program, iaitu:

- i) Program Dana Pelaburan Hartanah oleh Pelaburan Hartanah Berhad (PHB); dan
- ii) Program Dana Ekuiti Nasional Berhad oleh Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS).

2. Program Dana Pelaburan Hartanah di bawah PHB ini adalah bagi meningkatkan pegangan Bumiputera dalam sektor hartanah komersial terutama di lokasi strategik di bandar-bandar utama melalui suntikan

pelaburan dalam dana Amanah Hartanah Bumiputera (AHB). Di bawah program ini, PHB membuat pembelian bangunan komersial yang telah dibangunkan serta melaksanakan pembangunan hartanah komersial. Sehingga tahun 2019, saiz dana AHB adalah sebanyak RM4.0 bilion.

3. Bagi pencapaian PHB sehingga tahun 2019, secara keseluruhan PHB telah memiliki sebanyak 22 bangunan yang telah dibeli serta dibangunkan dengan nilai keseluruhan hartanah berjumlah RM6.06 bilion iaitu terdiri daripada bangunan pejabat sebanyak 63%, kompleks beli belah sebanyak 31%, hospital sebanyak 4% dan premis perniagaan sebanyak 2%.

4. Manakala, Program Dana Ekuiti Nasional Berhad di bawah EKUINAS adalah untuk meningkatkan pegangan ekuiti Bumiputera melalui model ekuiti persendirian (PE) bagi mengembangkan syarikat yang mempunyai pertumbuhan dan pulangan pelaburan yang tinggi. Selain itu, EKUINAS juga berperanan untuk meningkatkan penglibatan Bumiputera di peringkat pengurusan dalam syarikat yang dilabur, penciptaan peluang pekerjaan baharu dan profesional kepada Bumiputera serta penciptaan nilai dalam rantai bekalan.

5. Semenjak penubuhannya pada tahun 2009, EKUINAS telah memperolehi RM2.7 bilion hasil daripada realisasi (penjualan) pelaburan syarikat-syarikat yang berjaya dikembangkan. Perbelanjaan pelaburan oleh EKUINAS pada tahun 2019 adalah sebanyak RM22.9 juta. EKUINAS juga telah memperuntukkan sebanyak RM1.5 bilion untuk *Tranche 4* bagi kegunaan pelaburan baharu.

Sekian, terima kasih.